

09/05/2001

Resolusi sidang wakil Malaysia ke Kabinet: Syed Hamid

KUALA LUMPUR, Selasa - Kementerian Luar akan menyerahkan kepada Kabinet kertas cadangan mengenai resolusi Persidangan Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia di Luar Negara tidak lama lagi.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata kertas cadangan itu antara lain akan mengutarakan semua masalah yang dihadapi perwakilan negara di luar serta memberi beberapa cadangan bagi mengatasinya.

"Persidangan ini memang dibuat sekurang-kurangnya dua atau tiga tahun sekali, tetapi yang membezakan kali ini ialah resolusi mereka akan dibentangkan kepada Kabinet," katanya kepada pemberita selepas menutup persidangan itu di Seri Kembangan di sini, petang ini.

Syed Hamid berkata, kertas cadangan itu juga akan diedarkan kepada misi negara lain sebagai garis panduan dalam menjalankan tugas diplomatik.

Persidangan seminggu bermula 3 Mei lalu itu dirasmikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Perdana Menteri turut mengadakan dialog tertutup dengan 86 duta, pesuruhjaya tinggi, konsulat dan kuasausaha Malaysia di lebih 80 negara termasuk wakil tetap ke Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Persidangan itu antara lain menekankan kepentingan peranan perwakilan luar negara dalam memperkukuhkan hubungan dengan negara asing, membantu usaha promosi Malaysia dalam bidang pelancongan, mengadakan pertemuan dengan pelajar Malaysia dan meningkatkan imej Malaysia di arena antarabangsa.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Bengkel Serantau mengenai Kesan Globalisasi Terhadap Hak Asasi Manusia di sini pagi ini pula, Syed Hamid berkata, negara maju sepatutnya menilai semula prinsip dan sistem urus tadbir mereka sebelum mendesak negara membangun berbuat demikian.

Katanya, penilaian semula itu perlu bagi mengurangkan kesan negatif globalisasi terhadap masyarakat di seluruh dunia, terutama bagi negara membangun.

(END)